

# Negara maju akui tafsiran globalisasi tidak diterima

BH 15 APR 2000

HAVANA, Jumaat - Negara maju sudah mula mengakui bahawa tafsiran globalisasi yang mereka cipta tidak dapat diterima, malah di kalangan rakyat mereka sendiri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pada masa ini sudah ada tanda-tanda menunjukkan mereka bersetuju untuk melihat semula tafsiran globalisasi.

Ini selaras dengan seruan Dr Mahathir di Sidang Puncak Selatan Kumpulan 77 (G77) supaya pengertian globalisasi ditafsirkan semula bagi memastikan ia memenuhi matlamat yang diharapkan oleh semua pihak -pentingan hasil, bukan kaedah.

Bercakap kepada sidang akhbar yang disertai wartawan asing di sini hari ini, Dr Mahathir berkata negara maju sedar bahawa tafsiran globalisasi yang mereka guna-pakai sekarang, masih tidak dapat diterima.

"Setelah demonstrasi di Seattle, tanda-tanda menunjukkan bahawa mereka bersetuju untuk melihat semula globalisasi," katanya.

Oleh itu, katanya, negara-negara maju perlu terus didesak supaya menafsirkan semula globalisasi dan tidak lagi menyerang negara membangun.

Dr Mahathir berkata walaupun wujud perbezaan kepentingan di kalangan negara-negara anggota G77, semuanya bersetuju supaya negara dalam Kumpulan 7 (G7) dan negara kaya yang lain mendengar pandangan negara miskin dan membangun.

Menjawab soalan mengenai isu ke-

wangan, Dr Mahathir berkata ketika pertama kali mengkritik sistem kewangan dunia, "kami dianggap sebagai orang gila".

"Hari ini nampaknya kritik kita menyebabkan mereka mengkaji semula persepsi mereka. Adalah jelas bahawa mereka tidak semestinya sentiasa betul dan kami tidak semestinya sentiasa salah," katanya.

Perdana Menteri berkata dalam merumuskan sesuatu sistem kewangan, adalah wajar pandangan semua pihak diberi perhatian.

"Negara-negara G77 mungkin miskin tetapi ini tidak bermakna mereka tidak boleh menyumbang pendapat dalam menentukan kerangka kewangan antarabangsa yang baru.

"Saya fikir adalah tidak salah mengenakan sedikit tekanan dan pada masa yang sama mengadakan dialog dengan G7. Hari ini pun ada negara dalam G7 sedia bercakap dengan kita. Kumpulan G 15 (G 15) sudah pun meminta G7 membenarkan perwakilannya bercakap dengan G7. Keputusan seperti itu akan menjadi tekanan kepada G7 supaya mendengar pandangan kita."

"Bagaimanapun, apa juga cadangan yang mereka buat, walau dihadiri wakil negara membangun, tetapi jika keputusan itu buruk untuk kita, kita masih tidak dapat menerimanya," tegasnya.

Mengenai kegiatan pedagang mata wang, Dr Mahathir berkata selepas mereka menyerang ekonomi Asia Timur dan menurunkan nilai saham,

mereka kini datang untuk membeli syarikat dan bank dengan harga yang murah.

George Soros kini aktif di negara jiran Malaysia yang mana beliau membeli bank dan saham pelbagai syarikat.

Soros sudah pun membuat kekayaan yang besar dan membeli 3,000 hektar tanah di Argentina.

"Keuntungan daripada perdagangan mata wang membolehkan pedagang seperti ini hidup senang hingga akhir hayat. Pada masa yang sama, ramai manusia yang tinggal di negara yang mengalami serangan, mati kerana membertolak dan terbunuh," katanya.

Menjawab soalan mengenai Yen, Dr Mahathir menjelaskan kedudukan mata wang Jepun itu adalah contoh negara kaya mahu menurunkan defisit dalam perdagangan dengan Jepun.

Katanya mereka menjadikan barangan Jepun lebih mahal dengan menaikkan nilai Yen.

"Tetapi, setelah Yen dinilai semula, hutang kita menerusi pinjaman Yen, memerlukan lebih banyak mata wang tempatan untuk membeli Yen bagi membayar hutang," katanya.

Menjawab soalan penggunaan komputer di Malaysia, Dr Mahathir menjelaskan bahawa negara sudah keluar daripada krisis kewangan dan berada dalam keadaan yang lebih baik.

Oleh itu, katanya, kerajaan akan meneruskan rancangan untuk membolehkan setiap rakyat memiliki komputer, walaupun terpaksa memerlukan sedikit masa.